



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 24 JANUARI 2024 (JUMAAT)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	DBKL	- NEW ROOF FOR KL's CHINATOWN - CELEBRATE CHINESE NEW YEAR WITH MINISTRY IN PUTRAJAYA
2.	HARIAN METRO	DBKL	- ENAM PREMIS, SEORANG PENJAJA DIAMBIL TINDAKAN - HELAH PEKERJA GERAJ WARGA ASING TAK MENJADI

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	SELANGOR SULTAN: UPHOLD TRUST, INTEGRITY IN ZAKAT COLLECTION
2.	SINAR HARIAN	- TUKAR PENEMPATAN PEGAWAI SETIAP DUA TAHUN SEKALI - KERAJAAN PERLU NAIK TARAF PENGANGKUTAN AWAM - TOL PERCUMA MUSIM RAYA SEDANG DIPERINCI – PM - TAK CUKUP BAKI MASIH BOLEH LALU TOL DENGAN CIRI BAHARU TNG Ewallet - MUDAHKAN RAKYAT BUAT KEPUTUSAN PEMBIAYAAN
3.	KOSMO	TOL PERCUMA SECARA BERSASAR
4.	HARIAN METRO	- PENGURUS PROJEK KENA TIGA PERTUDUHAN TERIMA RASUAH RM50k - OPERASI STRATEGIK BENDUNG RASUAH
5.	BERITA HARIAN	- PENGURUS PROJEK DIDAKWA TERIMA SUAPAN RM50,000 - ENAM LAGI INDIVIDU DIREMAN SPRM - SINDIKET DISYAKI BAYAR PENGUATKUASA RM6,000 SEHARI
6.	UTUSAN MALAYSIA	OPR KEKAL BERI GAMBARAN DASAR MONETARI YANG STABIL
7.	NEW STRAITS TIMES	RTD COUNTER STAFF IN ROLE FOR OVER 5 YEARS TO BE ROTATED

New roof for KL's Chinatown

Structure among plans to beautify Petaling Street area for Visit Malaysia 2026

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

THE roof at the Chinatown market in Petaling Street, Kuala Lumpur, will be replaced this year.

The project is among many upgrading and beautification works set to be undertaken by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) in the area.

DBKL advisory board member Andre Lai said the tender process for the roof project had been completed.

"The work is scheduled to start later this year but I cannot reveal the details yet," he said when asked by the media.

Lai said various other facility upgrades and measures were also underway as part of preparations for the Visit Malaysia 2026 (VM2026) campaign.

He was speaking to the media after accompanying Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif and Petaling Street Rukun Tetangga chairman Datuk Chan Kwok Chin during a visit to the area in the run-up to Chinese New Year on Jan 29.

Maimunah said DBKL would collaborate with the private sector to transform the area's back lanes.

She said more artworks such as sculptures and murals would be added to convert such spots into creative spaces.

There are also plans to upgrade the walkway around nearby Plaza Rakyat

LRT to improve accessibility, she added.

Maimunah also went on a walkabout and distributed oranges to traders and customers.

She thanked the traders for observing cleanliness in the popular tourist spot and hoped this would be maintained.

Commenting on the lion dance which welcomed her, Maimunah said it was her first time viewing the performance live since her return to Malaysia from her overseas stint.

"It brought back memories of my late in-laws, with whom I used to celebrate the festivities in Ipoh," she added.

THE STAR

Tarikh: 24 JAN 2025



(Front, from second left) Maimunah and Chan on the Petaling Street walkabout.

Celebrate Chinese New Year with ministry in Putrajaya

THE Chinese New Year (CNY) celebration will be an extra special one for Housing and Local Government Ministry (KPKT) which will host an open house on Feb 6.

The event will also feature cultural performances including a lion dance featuring performers from various ethnic groups.

Minister Nga Kor Ming, in a statement, said the ministry was committed to promoting multiracial harmony via Malaysia's many communal festivities.

"At the ministry, we take pride in celebrating various major festivals such as Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Christmas and Chinese New Year.

"Everyone is invited to join us in celebrating this joyous occasion," he said, adding that cultural celebrations were vital in fostering bonds among Malaysians.

Nga said diversity and harmony were two key pillars of the nation's success.



22/1
Nga (front row, centre) with Housing and Local Government Ministry staff inviting guests to its Chinese New Year open house on Feb 6.

He said that under the leadership of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, Malaysia was recognised as among the 10 most peaceful countries globally. "It is, therefore, crucial for all

Malaysians to stand united with the Madani government to continue driving economic growth," he added.

To usher in the Year of the Snake, the ministry's lobby is adorned with festive

decorations including red lanterns and a cherry blossom tree.

The Chinese New Year open house is scheduled to start at 12.30pm at KPKT in Persiaran Perdana, Precinct 4, Putrajaya.

THE STAR

Tarikh: ...2.4...JAN.2025....

Selangor Sultan: Uphold trust, integrity in zakat collection

By RAHIMY RAHIM
rahimyr@thestar.com.my

SHAH ALAM: Stern action including legal proceedings should be taken against those found to misappropriate funds or failing in their duties in zakat collection, says Sultan Sharafuddin Idris Shah.

The Selangor Ruler said the Selangor Zakat Board has an enormous responsibility in upholding the trust of Muslims in the state.

"All levels of zakat collection, including amil (zakat collectors), should always be honest, trustworthy and maintain integrity while ensuring that no abuse of power occurs, as betraying this trust is a grave sin.

"I place great importance on the honesty and integrity of all staff and decree that strict action should be taken against those found to misappropriate funds and being errant in their duties, including bringing them to court for legal action," said Sultan Sharafuddin when officiating the opening of Menara Zakat Sultan

Idris Shah here yesterday.

Also present was Tengku Permaisuri of Selangor Tengku Permaisuri Norashikin.

Menara Zakat Sultan Idris Shah features a drive-through counter for zakat collection and distribution, offering a convenience to asnaf (those eligible for zakat) and muzzaki (zakat payers).

Self-service kiosks have also been introduced.

Sultan Sharafuddin said he had witnessed remarkable innovations and improvements in zakat management, particularly in the collection and distribution of zakat as well as the empowerment of the asnaf.

"What makes me proud is that the management of zakat in Selangor has become a model for many countries such as Indonesia and Thailand.

"They are drawn to the innovations in zakat in Selangor, which have brought significant benefits to the Muslim community."

But amid the rapid transformation and innovation, Sultan Sharafuddin reminded the zakat board not to become complacent.



Royal visit: Sultan Sharafuddin (centre) and Tengku Permaisuri Norashikin (right) accompanied by Selangor Zakat Board (LZS) chairman Tan Sri Syed Anwar Tuanku Syed Putra Jamalullail (left) and Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari (second left) during the opening of Menara Zakat Sultan Idris Shah in Shah Alam. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

Sultan Sharafuddin spoke of the need to have continuous improvement by adopting a corporate form of management that emphasises efficiency, credibility and forward-thinking, while adhering to syariah principles.

The zakat board, Sultan Sharafuddin said, must always focus on finding the best ways to assist the asnaf.

"To identify these asnaf, I suggest utilising the services of village heads, penghulu (sub-district chiefs) as well as district religious officers to channel the relevant information to identify

these groups."

Likewise, the Ruler said the urban poor should not be forgotten.

The Sultan of Selangor also reminded the public that zakat should be paid based on income and where the individual is earning a livelihood.

Sultan Sharafuddin said the Selangor Fatwa Committee had issued a fatwa, which was gazetted on May 9, 2002, stating that "all Muslims residing or working in Selangor must pay zakat on their income to the Selangor Zakat".

"If the zakat collected in Selangor is distributed to other states or places, I fear that the majority Malay Muslim population in Selangor, along with over 79,000 poor asnaf families registered with the Selangor Zakat Board, would be deprived of their rights and unjustly overlooked without us realising it."

As to rehabilitating groups that had been involved in deviant teachings, the Sultan of Selangor said zakat may be allocated to them under the category of Ar-Riqab (those in need of liberation).

THE STAR

Tarikh: 24 JAN 2025

8A

24/1

Tukar penempatan pegawai setiap dua tahun sekali

SHAH ALAM -

Penempatan pegawai penguat kuasa di pintu masuk negara seperti pelabuhan dan lapangan terbang tidak boleh terlalu lama serta wajar mempunyai had masa tertentu.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Dr Azrul Azlan Abdul Rahman berkata, tempoh perkhidmatan



AZRUL AZLAN

yang terlalu lama boleh menyebabkan pegawai mudah terdedah kepada risiko pengaruh luar antaranya godaan rasuah atau hubungan tidak formal dengan sindiket tempatan.

Beliau memberi contoh, tempoh dua atau tiga tahun sangat sesuai bagi setiap pegawai bertugas di lokasi tertentu dan pastikan mereka dipindahkan ke kawasan baharu selepas tempoh tersebut.

"Dengan cara itu, pegawai tidak akan mempunyai peluang cukup untuk membentuk hubungan rapat dengan pihak tertentu yang mungkin membawa kepada aktiviti penyelewengan.

"Pertukaran secara berkala juga memudahkan pemantauan terhadap pegawai kastam termasuk audit dalaman kerana persekitaran kerja mereka sering berubah. Selain itu, ia akan meningkatkan keberkesanan dan motivasi mereka," jelasnya yang mengulas isu enam pegawai kastam ditahan SPRM kerana disyaki terbabit sindiket seludup vape.

SINAR HARIAN

24 JAN 2025

Tarikh:

Kerajaan perlu naik taraf pengangkutan awam

34
24/1
SHAH ALAM - Penjimatan pemansuhan tol percuma yang dianggarkan sebanyak RM20 juta sehari atau hampir RM200 juta setahun perlu digunakan untuk penambahbaikan pengangkutan awam khususnya perkhidmatan transit aliran ringan (LRT) dan transit aliran massa (MRT).

Timbalan Ketua Pemuda MCA, Mike Chong Yew Chuan berkata, kebelakangan ini, laman media sosial Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) menerima aduan daripada pengguna berhubung sistem LRT dan MRT yang sering dibelenggu masalah kelewatan, kesesakan, kerosakan dan juga keselamatan.

Menurutnya, perkara itu pernah ditekankan bekas Menteri Pengangkutan, Seri Dr Wee Ka Siong pada Oktober 2022 yang meminta Prasarana memberi tumpuan kepada kerja penyelenggaraan secara berkala bagi mengelakkan gangguan perkhidmatan khususnya semasa waktu puncak.

"Keselamatan di sekitar kawasan pengangkutan awam juga harus dipertingkatkan dan penjimatan wang dapat digunakan untuk menambah anggota keselamatan Prasarana di kawasan titik panas jenayah.

"Selain memastikan keselamatan pengguna di dalam stesen dan tren, pengawal keselamatan juga boleh ditugaskan di luar stesen.

"Kedua-dua langkah ini akan membolehkan rakyat melihat dan merasai sendiri bahawa kerajaan mengutamakan kehendak rakyat dan sentiasa mendengar keluhan mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Naib Presiden MIC T Murugiah pula berkata, kerajaan perlu meneliti penarikan balik pemberian tol percuma menjelang Tahun Baru Cina.

"Saya ingin menyeru kerajaan agar membuat pertimbangan yang lebih teliti dan saksama terhadap keputusan penarikan balik bayaran tol sempena sambutan Tahun Baru Cina.

"Langkah ini amat penting untuk memastikan bahawa masyarakat Cina, yang merayakan perayaan terbesar mereka, diberikan keadilan dalam menikmati kemudahan serta galakan yang disediakan oleh kerajaan," katanya pada satu kenyataan.

Murugiah berkata, pemberian tol percuma hanya untuk tempoh sementara namun ia boleh meringankan beban kewangan dan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat tanpa mengira kaum.

"Kerajaan pernah berjanji untuk menghapuskan pembayaran tol sekiranya diberi mandat untuk memerintah.

"Walaupun janji itu belum ditunaikan sepenuhnya, setidaknya kerajaan perlu menunaikan tanggungjawab sosial dengan memberikan keistimewaan seperti pemberian tol percuma sempena perayaan utama," katanya.



YEW CHUAN

SINAR HARIAN

Tarikh:24 JAN 2025.....

Tol percuma musim raya sedang diperinci - PM

Kerajaan sedang memperincikan pendekatan lebih bersasar untuk pemberian itu

DAVOS

84 24/1



Laporan Sinar Harian mengenai pemberian tol percuma pada musim perayaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan sedang memperincikan pendekatan lebih bersasar untuk pemberian tol percuma pada musim perayaan.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah ini selaras dengan usaha penyelarasan subsidi

sebelum ini, yang menumpukan bantuan kepada golongan B40 dan M40, tanpa melibatkan semua pihak secara menyeluruh.

"Ada pihak yang mempersoalkan mengapa tol percuma itu diberikan kepada semua, termasuk kereta mewah seperti Rolls Royce, Mercedes dan Maserati. Oleh itu, kita perlu teliti supaya rakyat yang terkesan di peringkat bawah itu diberikan pertimbangan lain.

"Perkara ini sedang diperinci-



ANWAR

kan. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, sebelum ini hanya menyatakan prinsip asas bahawa subsidi tidak boleh diteruskan untuk semua, seperti subsidi elektrik dan minyak," katanya.

Anwar berkata demikian pada sidang media penutup sem-

pena lawatan kerjanya ke Sidang Kemuncak Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2025 di sini.

Selasa lepas, Alexander dilaporkan berkata, tahun 2024 merupakan tahun terakhir bagi pemberian tol percuma pada musim perayaan dan mesyuarat Kabinet tahun lepas telah memutuskan untuk mencari pendekatan lebih bersasar, yang dijangka diumumkan dalam masa terdekat.

- Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 24 JAN 2025

Tak cukup baki masih boleh lalu tol dengan ciri baharu TNG eWallet

SH
24/1

KUALA LUMPUR - TNG Digital Sdn Bhd (TNG Digital) memperkenalkan ciri baharu dalam aplikasi TNG eWallet iaitu *SOS Balance* bagi memastikan pengguna yang tidak mempunyai baki mencukupi masih dapat melalui plaza tol.

Ia akan diperkenalkan kepada pengguna TNG eWallet terpilih mulai Khamis secara percuma yang memberikan mereka tempoh 24 jam untuk menambah nilai e-dompot dan menyelesaikan sebarang caj tol tertunggak.

Pengerusi TNG Digital, Effendy Shahul Hamid berkata, ciri percuma itu akan menyumbang kepada aliran trafik lebih lancar dan mengurangkan kesesakan di plaza tol.

"Punca utama pengguna terperangkap di plaza tol adalah kekurangan baki dalam akaun TNG e-Wallet.

"Ciri baharu ini membenarkan pengguna yang layak tetapi mempunyai baki tidak mencukupi melalui plaza tol, namun diwajibkan menambah nilai dan membayar caj tertunggak itu dalam masa 24 jam," katanya semasa sidang akhbar selepas merasmikan pelancaran *SOS Balance* oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi di sini pada Khamis.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital, Alan Ni berkata, ciri tersebut ketika ini hanya tersedia kepada pelanggan setia kerana mereka kurang berpotensi menyalahgunakannya.

"Kami amat menggalakkan pengguna membuat pembayaran dalam tempoh 24 jam tetapi secara praktikalnya pembayaran masih boleh dibuat selepas tempoh tersebut," katanya.

Menurutnya, TNG Digital juga bersedia menyerap potensi kerugian.

Mengenai rancangan untuk melanjutkan perkhidmatan atau caj tempat letak kereta, beliau berkata, syarikat itu perlu menilai prestasi, risiko dan potensi kerugian terlebih dahulu.

SOS Balance boleh digunakan di lebuh raya berdaya RFID dan PayDirect dengan liputan semasa merangkumi 31 daripada 33 lebuh raya di seluruh Semenanjung Malaysia. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: **24 JAN 2025**

Mudahkan rakyat buat keputusan pembiayaan

OPR kekal pada kadar 3.0 peratus berita positif untuk rakyat

Oleh LIZA MOKHTAR
SHAH ALAM

SH
24/1

Keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) pada 3.0 peratus telah dijangka kebanyakan pakar ekonomi dan pada umumnya berita positif untuk rakyat.

Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, keputusan pengekalan OPR memudahkan rakyat membuat keputusan pembiayaan dan melabur dalam instrumen kewangan.

"Sebagai contoh, dengan kestabilan OPR ini, rakyat tidak perlu tergesa-gesa memilih sebarang skim pembiayaan atau pelaburan yang sesuai untuk mereka, berbanding ketika OPR berada pada kadar tinggi seperti pada 2022.

"Pada masa sama, ketidakpastian terhadap kadar inflasi berikutan jangkaan perubahan seperti rasionalisasi subsidi bahan api juga menuntut OPR untuk dikekalkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Rabu ketika mesyuarat



MOHD AFZANIZAM



BNM mengekalkan OPR pada 3.0 peratus.

Jawatankuasa Dasar Monetari, BNM memutuskan OPR yang bertindak sebagai penanda aras bagi kadar pinjaman dan deposit tempatan dikekalkan 3.0 peratus.

BNM dalam kenyataannya menjelaskan ekonomi global mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi daripada jangkaan pada 2024, mencerminkan pertumbuhan sebenar lebih baik dalam ekonomi utama dan perdagangan global lebih kukuh.

Sementara itu bagi 2025, ekonomi global dijangka mampan dengan keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi terus sederhana dan dasar monetari kurang ketat.

Menurut BNM, bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan keseluruhan 2024 berada pada kadar dijangkakan, manakala kekukuhan kegiatan ekonomi diramal berterusan pada 2025, didorong oleh perbelanjaan dalam negara yang berdaya tahan.

Pertumbuhan guna tenaga dan upah berserta langkah-langkah dasar termasuk semakan kenaikan gaji minimum dan gaji penjawat awam pula akan menyokong perbelanjaan isi rumah.

Sementara itu, Mohd Afzanizam berkata, berdasarkan kenyataan BNM, dasar monetari dilihat masih menyokong pertumbuhan ekonomi.

"Jika OPR kekal dan stabil, maka kos pembiayaan juga akan turut stabil. Ia lebih menguntungkan kepada pengguna dan rakyat," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 24 JAN 2025

Tol percuma secara bersasar

- PM menyatakan ia sejajar dengan penyelarasan subsidi oleh kerajaan
- Perlu teliti supaya rakyat di peringkat bawah diberi pertimbangan

Kosmo
24/1

Oleh ZULKIFLI MANZOR
dan ISKANDAR SHAH MOHAMED

DAVOS – Kerajaan sedang memperincikan pendekatan lebih bersasar untuk pemberian tol percuma pada musim perayaan kepada golongan B40 dan M40.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu sejajar dengan usaha penyelarasan subsidi oleh kerajaan berbanding pemberian tol percuma secara menyeluruh.



KEPUTUSAN untuk tidak memberi tol percuma sempena musim perayaan mungkin ditukar kepada pemberian secara bersasar.

"Ada pihak mempersoalkan mengapa tol percuma diberi kepada semua termasuk kereta mewah seperti Rolls Royce, Mercedes dan Maserati.

"Kita perlu teliti supaya rakyat terkesan di peringkat bawah diberi pertimbangan lain," katanya pada sidang akhbar sempena Si-

dang Kemuncak Tahunan Forum Ekonomi Dunia 2025 di sini.

Sebelum ini media melaporkan, tiada lagi tol percuma sempena musim perayaan kepada pengguna lebuh raya di negara ini bermula tahun ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dipetik

berkata, kerajaan telah memutuskan tahun lalu adalah tahun terakhir bagi pemberian tol percuma.

Katanya, keputusan berkenaan yang diputuskan pada mesyuarat Kabinet tahun lalu bagaimanapun akan diganti dengan pendekatan lebih bersasar.

Di **Shah Alam**, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan pula berkata, keputusan kerajaan untuk menghentikan pemberian tol percuma sempena musim perayaan bermula tahun ini boleh berubah.

"Keputusan itu boleh berubah dan kita tunggu esok," katanya.

"Adakah keputusan itu boleh berubah? Boleh. Bilakah ia akan berubah atau dikekalkan? Esok.

"Kita tunggu keputusannya dan kenyataan rasmi akan dikeluarkan Kementerian," katanya selepas melawat Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Selangor, Seksyen 17 di sini semalam.

KOSMO

Tarikh: 24 JAN 2025

Enam premis, seorang penjaja diambil tindakan ^{HWA 24/1}

Kuala Lumpur: Enam premis dan seorang penjaja dikenakan tindakan dalam pemeriksaan dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Lucky Garden, Bangsar di sini, Selasa lalu.

DBKL dalam kenyataan kepada Harian Metro memaklumkan pihaknya menerusi Jabatan Penguatkuasaan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan harian di kawasan itu.

Menurutnya, tindakan dilakukan berdasarkan aduan diterima DBKL yang disalurkan melalui saluran ADU@KL.

"Melalui pemantauan itu, enam premis serta seorang penjaja diperiksa dan diambil tindakan di kawasan berkenaan.

"Hasil pemantauan mendapati pemilik premis dan penjaja melakukan ke-

salahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen serta menyebabkan halangan barangan perniagaan di tempat awam," katanya.

Menurutnya, DBKL mengambil tindakan penguatkuasaan termasuk mengeluarkan empat notis kesalahan mengikut Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan meletakkan barang di tempat awam.

"Satu tindakan fizikal iaitu menyita atau memindahkan halangan dilaksanakan di bawah Seksyen 46(1)(d) akta sama.

Menurutnya, semasa menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan penguatkuasaan di lokasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang membuat satu Operasi Pematuhan Kebersihan di sekitar kawasan itu.

HARIAN METRO
Tarikh: **24 JAN 2025**...

Helah pekerja gerai warga asing tak menjadi

Kuala Lumpur: Helah seorang pekerja gerai menyamar sebagai pelancong gagal apabila taktik itu dikeksan pihak berkuasa dalam Ops Sapu KL Strike Force di Jalan Alor, Bukit Bintang di sini, kelmarin.

Lelaki berusia 30-an itu mendakwa kononnya baru tiba di negara ini dan mahu membeli cenderahati, namun pemeriksaan mendapati individu terabit tiada dokumen perjalanan sah dan bekerja di kawasan berkenaan.

Sebelum itu, lelaki berkenaan cuba melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di lokasi.

Pengarah Imigresen Kuala Lumpur, Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff berkata, pihaknya menahan 176 Pati dalam operasi bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



ANTARA warga asing yang ditahan dalam Ops Sapu KL Strike Force di Jalan Alor, Bukit Bintang di Kuala Lumpur.

(DBKL) bermula jam 7.30 malam.

Menurutnya, warga asing yang ditahan membabitkan 156 lelaki dan 20 wanita dengan antara kesalihan ialah tidak memiliki permit atau pas yang sah untuk tinggal di negara ini serta tinggal melebihi masa.

"Antara mereka yang ditahan membabitkan 71 warga Bangladesh, Myanmar (60), Indonesia (24), Nepal (16), Pakistan (3), Mesir (1) dan Sudan (1)," katanya.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 6(1)(c), Seksyen 15 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 dan Pe-

raturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

"Semua warga asing berkenaan dibawa ke Pejabat Imigresen Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut," katanya.

Sementara itu, Wan Mohammed Saupee berkata, operasi dijalankan susulan aduan dan rungutan masyarakat berhubung banjiriran warga asing di kawasan berkenaan.

"Kawasan sekitar Jalan Alor adalah lokasi tumpuan pelancong luar serta tempatan, (justeru) lambakan warga asing di kawasan ini menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan pengunjung.

"Operasi dan penguatkuasaan akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan warga asing serta majikan mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh:24...JAN.2025...

**BANTU SYARIKAT DAPATKAN
PROJEK PEMBINAAN LEBUH RAYA**

**Pengurus projek
kena tiga pertuduhan
terima rasuah RM50k**

Johor Bahru: Seorang pengurus projek sebuah anak syarikat konsesi lebuhraya didakwa di Mahkamah Sesi di sini, semalam atas tiga pertuduhan menerima rasuah sebanyak RM50,000 bagi membantu sebuah syarikat pembinaan mendapatkan projek pembinaan lebuhraya, dua tahun lalu.

Tertuduh, Zairulnizam Rohani, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima suapan rasuah bernilai RM50,000, masing-masing menerusi tiga pemindahan dalam talian ke akaun milik isterinya.

Ia sebagai upah buat tertuduh yang juga pengurus projek sebuah anak syarikat konsesi lebuhraya itu membantu sebuah syarikat pembinaan terbabit mendapatkan kerja membina dan menyiapkan projek lebuhraya.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah cawangan bank tempatan di Taman Universiti di sini, pada 7, 12 dan 13 Disember 2023.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, yang

membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Siti Asmah Zainal Ariffin, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Salleh Tugimin.

Terdahulu, timbalan pendakwa raya memohon mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM30,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dengan syarat tambahan passport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dengan tertuduh perlu melapor diri setiap bulan di Pejabat SPRM.

Bagaimapun, peguam tertuduh merayu supaya mahkamah menetapkan jaminan rendah dan tidak membebankan.

Hakim kemudiannya memerintahkan tertuduh dijamin sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin selain passport antarabangnya diserahkan kepada mahkamah selain perlu melapor diri setiap bulan di Pejabat SPRM.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 24 Februari depan, bagi penyerahan dokumen.

HARIAN METRO

Tarikh: 24 JAN 2025.....

KOLABORASI JKDM, AGENSI LAIN

Operasi strategik bendung rasuah ^{4M}₂₄

Kuala Lumpur: Operasi strategik bersama agensi penguat kuasa lain bagi membendung jenayah rasuah di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) terus dilaksanakan.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, pihaknya secara konsisten tidak berkompromi dengan sebarang bentuk atau isu berkaitan rasuah, pelanggaran integriti mahupun salah laku.

Menurutnya, tindakan membanteras sindiket penyeludupan vape menerusi Op Airways bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil kolaborasi strategik bersama Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM.

"Ini semak dan imbang as proses import dan eksport. Kita teruskan operasi strategik dalam pelbagai aspek bagi membersihkan jabatan ini berhubung isu rasuah.

"Ini tekad saya bagi memastikan JKDM bebas rasuah," katanya, semalam.

Anis Rizana berkata, pihaknya terbuka untuk bekerjasama rapat dengan agensi lain bukan

sahaja SPRM, tapi Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan lain-lain.

"Kolaborasi bersama agensi lain ini dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan JKDM bersih dari rasuah," katanya.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan SPRM membongkar sindiket penyeludupan dan pengelakan cukai melibatkan vape dengan ketirisan mencecah hampir RM8 juta.

Ia selepas SPRM menahan dua lori mencurigakan ketika keluar dari Pusat Pemeriksaan Kargo KLIA, petang kelmarin.

Hasil pemeriksaan menemukan 32,000 unit rokok elektronik bernilai RM1.9 juta yang tidak diikrar dalam lori berkenaan.

Serentak itu, serbuan secara besar-besaran dilakukan di dua gudang penyimpanan syarikat berkenaan.

Susulan itu, enam pegawai kastam dan lapan orang awam termasuk enam pengarah syarikat ditahan dalam operasi sekitar KLLA dan ibu negara pada hari sama.

HARIAN METRO

Tarikh: 24 JAN 2025



Zairulnizam di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. (Foto BERNAMA)

Kes rasuah projek lebuhraya

Pengurus projek didakwa terima suapan RM50,000

Johor Bahru: Seorang pengurus projek sebuah anak syarikat konsesi lebuhraya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga tuduhan menerima rasuah RM50,000 bagi membantu sebuah syarikat pembinaan mendapatkan projek pembinaan lebuhraya, dua tahun lalu.

Zairulnizam Rohani, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Siti Noraidia Sulaiman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima suapan rasuah bernilai RM50,000 masing-masing menerusi tiga pemindahan dalam talian ke akaun milik isterinya.

Ia sebagai upah buat tertuduh yang juga pengurus projek sebuah anak syarikat konsesi lebuhraya membantu sebuah syarikat pembinaan, mendapatkan kerja membina dan menyiapkan projek lebuhraya.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah cawangan bank tempatan di Taman Universiti, di sini, pada 7, 12 dan 13 Disember 2023.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, manakala lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Asmah Zainal Ariffin, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Mohd Salleh Tugimin.

Terdahulu Timbalan Pendakwa Raya memohon mahkamah menetapkan jaminan RM30,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dengan syarat tambahan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dengan tertuduh perlu melapor diri setiap bulan di Pejabat SPRM.

Rayu wang jaminan rendah

Bagaimanapun peguam tertuduh merayu supaya mahkamah menetapkan jaminan rendah dan tidak membebankan.

"Ini kerana anak guam saya digantung tugas sejak Julai tahun lalu dan tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan dengan akaun peribadi dibekukan, walaupun ketika bekerja sebelum ini menerima gaji sebanyak RM11,000 sebulan.

"Tertuduh juga disahkan doktor pakar mengalami darah beku di otak sejak April 2023, menyebabkan beliau sukar bertutur dengan jelas, selain tidak dapat mengingat fakta.

"Beliau juga perlu menanggung empat anak yang masih menuntut di pusat pengajian tinggi dan bersekolah, selain ibunya yang menderita sakit tulang belakang (slipped disc)," hujahnya.

Hakim kemudian memerintahkan tertuduh diikat jamin RM25,000 dengan seorang penjamin, selain pasport antarabangsanya diserahkan kepada mahkamah selain perlu melaporkan diri setiap bulan di Pejabat SPRM.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 24 Februari, bagi penyerahan dokumen.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 24 JAN 2025

Enam lagi individu direman SPRM

BH 24/1

Pegawai, bekas pegawai bank didakwa terima suapan lulus pinjaman peribadi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman enam lagi individu berhubung kes suapan sebagai balasan membantu memproses dan meluluskan permohonan pinjaman peribadi yang dikemukakan sebuah syarikat perunding kewangan.

Enam individu itu membabitkan pegawai dan bekas pegawai institusi perbankan berusia antara 20 hingga 40-an direman lima hari sehingga Isnin ini.

Perintah reman terhadap empat lelaki dan dua wanita itu dikeluarkan Majistret Irza Zulaiha Rohanuddin selepas permohonan dibuat oleh SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Dokumen maklumat palsu

Menurut sumber, keenam-enam suspek ditahan antara jam 3 hingga 4 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu



Enam individu direman di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto Ihsan SPRM)

Pejabat SPRM di sini, berhubung Op Sky.

"SPRM menerima beberapa aduan dan maklumat berkaitan kegiatan rasuah yang dilakukan oleh pegawai institusi perbankan yang membantu memproses serta meluluskan permohonan pinjaman peribadi pelanggan melalui sebuah syarikat perunding kewangan.

"Pegawai ini dipercayai menerima rasuah daripada syarikat perunding kewangan yang bertindak menyediakan dokumen

dipercayai mengandungi maklumat palsu pelanggan yang ingin membuat pinjaman peribadi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan supek berkenaan dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Katanya, 19 individu yang sebelum ini ditahan reman sudah dibebaskan dengan jaminan SPRM.

SYARIKAT ATAU EJEN INI BOLEH MEMPERDAYA MELALUI:

Menawarkan pinjaman pendahuluan untuk selesaikan hutang sedia ada dan membersihkan rekod CCRIS



Membantu anda memohon beberapa pinjaman peribadi baharu untuk membayar balik pinjaman pendahuluan, termasuk yuran perkhidmatan

Menawarkan peluang pelaburan berisiko rendah serta menjanjikan pulangan bulanan yang tinggi, jauh melebihi jumlah diperlukan untuk membayar balik pinjaman baharu anda



PEMPENGARUH



Memperoleh keyakinan anda dengan menggunakan selebriti dan pempengaruh untuk mempromosikan perkhidmatan mereka

Tawaran indah khabar dari rupa biasanya scam. Niat mahu perbaiki status kewangan sebaliknya membawa padah kerana hutang bertambah

Sumber: Bank Negara Malaysia

Infograph: BH

Sindiket disyaki bayar penguat kuasa RM6,000 sehari

**Jumlah rasuah
bergantung
kepada jenis lori
dilepaskan**

Kuala Lumpur: Sindiket penyeludupan rokok elektronik (vape) di Zon Perdagangan Bebas (FCZ) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), disyaki membayar rasuah sehingga ribuan ringgit sehari kepada pegawai penguat kuasa untuk melepaskan lori yang digunakan dalam aktiviti itu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata jumlah rasuah itu bergantung kepada jenis lori yang dilepaskan iaitu RM150 bagi lori satu tan, lori tiga tan (RM300) dan lori lima tan (RM500) manakala bayaran RM750 dikenakan untuk

kenderaan lima tan ke atas.

"Kekerapan lori pelbagai jenis itu akan keluar dari FCZ KLIA ialah kira-kira 20 buah lori sehari, dengan anggaran nilai rasuah yang diberikan sekitar RM4,000 hingga RM6,000 sehari," katanya di sini semalam.

Azam berkata, berdasarkan hasil risikan dan siasatan, SPRM percaya sindiket terbabit aktif menjalankan aktiviti penyeludupan rokok elektrik itu sejak 2023.

3 pegawai kastam ditahan

Semalam, media melaporkan 14 individu termasuk enam pegawai kastam ditahan dalam Ops Airways sekitar KLIA dan Putrajaya, kerana disyaki terlibat dalam penyeludupan vape.

Siasatan selama tiga bulan mendedahkan vape itu tidak di-



Azam Baki

ikrarkan dan tidak mempunyai dokumen sah, sekali gus menyerupai modus operandi 'kontena terbang'.

Semua suspek yang ditahan kini direman antara empat hingga lima hari bagi membantu siasatan, kecuali seorang pengarah syarikat yang dilepaskan dengan jaminan SPRM.

Azam berkata, pada serbuan tersebut rampasan dan sitaan vape dibuat selain komputer, telefon bimbit, barangan berjenama dan wang tunai dengan nilai keseluruhan dianggarkan sebanyak RM17,954,459.

"Buat masa ini, siasatan baru sahaja bermula dan masih dalam tindakan untuk mengenal pasti suspek lain serta pembabitannya dalam aktiviti sindiket penyeludupan terbabit," katanya.

BERNAMA

OPR kekal beri gambaran dasar monetari yang stabil

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.0 peratus buat kali ke-10 kelmarin memberi gambaran dasar monetari yang stabil.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, ia juga menggalakkan peniaga dan orang ramai membuat pembiayaan dan pelaburan.

"Saya turut menjangkakan OPR 3.0 peratus bakal dikekalkan sehingga akhir tahun.

"Ia disebabkan risiko kenaikan inflasi masih wujud yang mungkin disumbangkan pelarasan subsidi bahan api RON95 pada pertengahan tahun ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Mohd. Afzanizam berkata, beliau percaya BNM telah memenuhi mandatnya dengan berkesan pada 2024.

Jelasnya, ekonomi Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan yang mengagumkan sebanyak 5.1 peratus, meningkat daripada 3.6 peratus pada tahun sebelumnya.

"Pada masa sama, inflasi terus menurun, jatuh daripada puncaknya sebanyak 3.3 peratus pada 2022 kepada 1.8 peratus pada 2024.



KADAR Dasar Semalaman (OPR) kekal menggalakkan peniaga dan orang ramai membuat pembiayaan perbankan serta pelaburan. - GAMBAR HIASAN

"Pembukaan semula semipadan antarabangsa pada 1 April 2022 mencetuskan lonjakan perbelanjaan domestik, menyebabkan inflasi tarikan permintaan yang

lebih ketara.

"Sebagai tindak balas, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) memulakan kitaran kenaikan kadar, menaikkan OPR daripada pa-

ras rendah sejarah sebanyak 1.75 peratus kepada 2.0 peratus pada Mei 2022," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan

Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Umi Hamidaton Mohd. Soffian Lee berkata, ekonomi negara tumbuh secara stabil walaupun sederhana dan tidak membebankan pengguna dan sektor perniagaan.

"Selagi tiada faktor yang mendesak atau keperluan untuk mengubah dasar monetari OPR akan kekal dan tidak berubah," katanya.

Beliau turut menjangkakan OPR akan terus kekal pada tahun ini.

"Pada 2025 berkemungkinan akan kekal dan secara langsung akan mengukuhkan nilai mata wang ringgit," katanya.

Kelmarin, BNM mengekalkan OPR pada 3.0 peratus pada mesyuarat pertama Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) untuk 2025.

Bank pusat berkata, pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan adalah konsisten dengan penilaian semasa tentang prospek inflasi dan pertumbuhan.

Menerusi kenyataan, MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan.

MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:24...JAN.2025...

1,907 INVOLVED

RTD counter staff in role for over 5 years to be rotated

PUTRAJAYA: The Road Transport Department (RTD) will implement job rotation for service counter staff who have served for more than five years.

Its director-general, Datuk Aedy Fadly Ramli, said this would involve 1,907 employees.

He said the move was in line with Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar's recent announcement on the new job rotation policy for civil servants who have served at counters for more than five years.

"We are also finalising the list of our service counter staff to be submitted to the Public Service Department."

Aedy Fadly said the job rotation policy was expected to boost the efficiency, effectiveness and quality of customer service delivery at RTD counters.

"This initiative also emphasises the aspect of integrity among

RTD service counter staff, while improving the skills and experience of civil servants."

He added RTD was committed to ensuring the most efficient service delivery for the public's convenience in line with the Public Service Reform agenda.



Datuk Aedy Fadly Ramli

On Jan 20, Shamsul Azri said the PSD would soon implement job rotation for civil servants who have been placed at service counters for more than five years.

He had said serving at a counter for more than five years was deemed excessively long and not ideal for any civil servant.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail reportedly said job rotation involving civil servants at service counters could address issues of integrity, improve the quality of service delivery and create a more conducive work environment.

Bernama

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 24 JAN 2025